

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama

Sidang 1988/89

RAE 341 - Sejarah Seni Bina (I)

Tarikh: 5 November 1988

Masa: 9.00 pagi - 12.00 tengah hari  
(3 jam)

---

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi TIGA muka surat yang tercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab EMPAT soalan sahaja. Soalan SATU (1) WAJIB.

1. Seni Bina Byzantine

- (a) Pemikiran barat dengan tradisi timur digabungkan menjadi seni bina Byzantine. Bincangkan.
  - (b) Bentuk luar menyerupai bentuk dalam. Bincangkan.
  - (c) Lakar dan bincangkan sistem binaan bumbung menggunakan KUBAH.
  - (d) Lakar dan bincangkan satu contoh bangunan di Malaysia.
- ( 40 markah )

...2/-

2. Pemujaan roh yang berasaskan kepada kepercayaan hidup sesudah mati mempunyai kesan yang mendalam kepada perkembangan seni bina Mesir. Di samping itu pusingan bermusim, kering kontang dan kesuburan pohon menghidai pada tiap-tiap tahun yang dibawa oleh Sungai Nil memberikan suasana monotoni kepada cara hidup sebagaimana tercermin pada semua bentuk gambaran di dalam pemeliharaan ritualistik orang-orang Mesir. Bincangkan pernyataan ini di dalam konteks perkembangan seni bina ritualistik Mesir.
- ( 20 markah )
3. Beza dan bandingkan, dengan bantuan lakaran di antara Seni bina orang Yunani dan Rom.
- ( 20 markah )
4. Kesan-kesan kadaran (proportion) klasikal hilang apabila muncul seni bina Gothic. Dengan menitikberatkan sistem struktur, bincangkan pernyataan ini.
- ( 20 markah )
5. "Kematian tuhan-tuhan dan zaman kepercayaan adalah permulaan seni bina Romanesque, yang berkaitan dengan ruang-ruang dan matriks." Ini telah diikuti dengan undang-undang dan ukuran bentuk-bentuk awal zaman peralihan, yang selanjutnya telah ditafsirkan sebagai pergerakan tembus-menembus bangunan-bangunan Baroque dan Rococco. Bincangkan.
- ( 20 markah )

6. Pilih empat (4) daripada soalan-soalan berikut:-

- (a) Apakah yang dimaksudkan dengan "The Order" - seni bina orang Yunani? Orang Rom telah membuat tambahan kepada "Greek Order". Bincangkan.
- (b) Nyatakan jenis-jenis pembinaan orang Rom.
- (c) Nyatakan jenis-jenis bangunan orang Rom.
- (d) Nyatakan jenis-jenis bangunan orang Yunani.
- (e) Lakarkan serta bincangkan konsep pembahagian ruang "Thermae".
- (f) Dengan bantuan lakaran, bincangkan:-
  - (i) 'Lantern'
  - (ii) 'Pendentive'
  - (iii) 'Vaults'
  - (iv) 'Pylon'
  - (v) 'Flying Buttress'

( 20 markah )